

POLISI KEMAMPANAN

JPG menggunakan prinsip Pembangunan Mampan dan matlamat syarikat adalah untuk memastikan generasi akan datang terus menikmati manfaat dari usaha yang dijalankan pada masa kini.

JPG mentakrifkan Pembangunan Mampan sebagai merangkumi tanggungjawab sosial, pengurusan berkesan semua sumber, kawalan persekitaran yang bersesuaian dan berkeupayaan untuk menghasilkan pengeluaran secara efisien. Matlamat Pembangunan Mampan akan tercapai dengan adanya keseimbangan dalam pertimbangan terhadap insan, alam, laba, kedamaian dan kemakmuran di dalam semua keputusan pengurusan dan operasi.

JPG memahami dengan jelas pelbagai tanggungjawabnya berkaitan insan, alam, laba, kedamaian dan kemakmuran. Adalah menjadi komitmen JPG untuk meningkatkan pencapaiannya secara berterusan. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Mampan (SPM) akan menyediakan rangka kerja untuk merealisasikan matlamat ini. JPG akan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan berdaya maju dan menjalankan semua operasi dengan cara yang selaras dengan system SPM.

Polisi ini digunakan untuk semua operasi perladangan JPG termasuk syarikat-syarikat subsidiari, kilang dan unit operasi dibawah pengurusan syarikat. JPG akan beroperasi dengan mematuhi semua perundangan Malaysia dan antarabangsa serta akan memastikan daya maju ekonomi jangka panjang tidak bertentangan dengan Polisi Etika dan Bisnes JPG. Dalam situasi di mana JPG mempunyai kepentingan perniagaan, rakan kongsi perniagaan JPG termasuk semua kontraktor, pembekal, peniaga dan pihak berkepentingan industri lain hendaklah mematuhi polisi ini.

JPG komited untuk melabur dalam bidang latihan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan anggota pekerja agar dapat meningkatkan prestasi, proses dan kerjaya. JPG komited untuk memastikan agar pengurusan tanah adalah sejajar dengan produktiviti jangka panjang sumber tersebut supaya kesesuaian tanah untuk pertanian dapat dikekalkan.

Langkah-langkah berikut adalah digunakan:

- Memelihara kesuburan tanah dan mengawal hakisan tanah di bawah kawalan JPG
- Memelihara dan mengekalkan kualiti air di bawah dan di permukaan tanah
- Mengurangkan penggunaan bahan kimia melalui pengurusan makhluk perosak bersepadu
- Menguruskan agar kesan pembangunan seperti pencemaran dapat dikurangkan terhadap habitat penting contohnya kawasan berpaya dan muara sungai

POLISI KEMAMAPANAN

JPG sentiasa mengambil langkah-langkah aktif untuk meningkatkan pencapaian alam sekitar secara berterusan melalui kaedah-kaedah:

- Pencegahan pencemaran dengan meminimumkan pembuangan pelepasan ke udara, darat dan air. Ini dapat dicapai melalui penggunaan optima sumber-sumber yang boleh diperbaharui dan mengurangkan penggunaan sumber-sumber yang tidak boleh diperbaharui
- Peruntukan mencukupi bagi tujuan pelaksanaan Program Pengurusan Kemampanan secara berkesan
- Memastikan system SPM diintegrasikan ke dalam semua polisi syarikat

JPG menerima pakai prinsip Pembangunan Kemampanan dan rangka kerja Sistem Pengurusan Mampan (SPM) akan menjadi panduan dalam pelaksanaannya. SPM akan merujuk sepenuhnya kepada Prinsip dan Kriteria yang ditetapkan oleh Perundingan Meja Bulat mengenai Minyak Sawit Berkekalan (RSPO), dan juga berpandu kepada dasar-dasar berikut:

Tiada Penyahhutan

JPG tidak akan melaksanakan pembangunan baru di kawasan hutan primer yang diklasifikasikan sebagai hutan Stok Karbon Tinggi (HCS) dan di kawasan yang mengandungi satu atau lebih Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV). Pembangunan tanah yang dijalankan oleh syarikat mengambil kira pemuliharaan dan penyelenggaraan kepelbagaian biologi dengan mengenalpasti, melindungi dan mengekalkan kawasan nilai pemuliharaan yang tinggi, perlindungan warisan budaya dan penggunaan tanah adat dan keupayaan tanah untuk mengekalkan aktiviti pertanian yang dicadangkan. Kami akan terus melaksanakan amalan terbaik antarabangsa dalam pengenalpastian dan pengurusan kawasan HCV mengikut Prinsip dan Kriteria RSPO untuk Pengeluaran Minyak Sawit Mampan.

Perlindungan Kawasan Gambut

JPG komited untuk tidak melakukan pembangunan di kawasan tanah gambut tanpa mengira kedalaman. Kami juga komited dalam pelaksanaan Amalan Pengurusan Terbaik di atas tanah gambut sedia ada di ladang-lading kami.

Tiada Eksploitasi Manusia dan Masyarakat

JPG komited dalam memastikan dan melindungi hak semua manusia yang terkesan secara langsung dan tidak langsung oleh operasi kami. Teras untuk ini, Polisi Insan kami adalah komitmen terhadap penghormatan dan pengiktirafan kepada hak semua anggota pekerja termasuk pekerja kontrak, pekerja sementara dan pekerja asing serta penduduk setempat dan komuniti sekeliling.

POLISI KEMAMPAHAN

JPG akan menghormati, menyokong dan melindungi hak asasi manusia antarabangsa daripada keganasan, ancaman, segala bentuk tindak balas dan menyumbang secara berkesan untuk menghapuskan semua bentuk pelanggaran hak asasi manusia dan kebebasan asasi individu dan masyarakat yang merangkumi Pembela Hak Asasi Manusia Alam Sekitar, pemberi maklumat, pengadu dan jurucakap komuniti.

JPG tidak terlibat dalam sebarang bentuk diskriminasi atas dasar etnik, kasta, kewarganegaraan, agama, ketidakupayaan, jantina, orientasi seksual, identiti jantina, keanggotaan kesatuan, gabungan politik atau usia. Hak reproduktif yang sesuai dengan undang-undang negara/ wilayah tempat kami beroperasi juga harus dihormati.

Prinsip Izin Terdahulu, Bebas dan Telus (FPIC)

JPG menghormati hak masyarakat orang asli dan tempatan serta mendukung prinsip izin terdahulu, bebas dan telus (FPIC). JPG akan menggunakan prinsip ini dalam semua perundingan dan interaksi dengan pihak berkepentingan. JPG akan terus menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dengan memberikan sumbangan positif kepada masyarakat sekitar di kawasan ia beroperasi.

JPG menitikberatkan ketelusan dalam operasinya dan mematuhi sistem perundangan yang berkaitan di mana-mana negara ia beroperasi. Sebagai tambahan, JPG akan:

- Menyampaikan polisi ini kepada semua anggota pekerja, pembekal, kontraktor, pemegang saham dan rakan usahasama
- Menggalakkan pekebun-pekebun kecil, pembekal dan kontraktor untuk melaksanakan SPM yang berkaitan dengan kegiatan mereka
- Memantau dan melaporkan pencapaian SPM kepada Lembaga Pengarah

Dengan melaksanakan prinsip-prinsip RSPO, JPG mengambil langkah terancang untuk mencapai keseimbangan di antara insan, alam, laba, kedamaian dan kemakmuran. JPG percaya ini adalah cara yang terbaik, tepat dan bertanggungjawab samada secara sosial atau terhadap persekitaran.